




- (a) Jelaskan bagaimana perubahan iklim mempengaruhi bentuk fizikal bumi. **TP3**

Pada perubahan Zaman Air Batu Akhir, iaitu zaman Holosen suhu bumi meningkat kerana cuaca bumi mulai panas. Air batu mula mencair menyebabkan paras air laut meningkat. Kesannya, bukit dan kawasan tanah tinggi terbentuk seperti tasik dan pulau.

Memahami / 2.1.5 / Sederhana [3 markah]

- (b) Pada pendapat anda, jelaskan cara untuk melambatkan pencairan glasier yang kini dikatakan semakin cepat berlaku. **TP3 KBAT**

Pada pendapat saya, cara yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan kenderaan awam atau berkongsi kenderaan untuk ke tempat kerja. Hal ini dapat mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida yang menyumbang kepada pemanasan global. Dengan cara ini, kita dapat membantu melambatkan pencairan glasier dan mendorong orang sekeliling kita untuk turut melakukan perkara yang sama.

Mencipta / 2.1.6 / Sederhana **Pendidikan Sivik Nilai Teras: Kasih Sayang** [3 markah]

- (c) Pengetahuan tentang Zaman Air Batu dapat membantu manusia menghadapi cabaran kehidupan pada masa ini dan hadapan.

Jelaskan iktibar yang boleh dipelajari daripada zaman tersebut. **TP3 KBAT**

Kita hendaklah menjaga alam sekitar dengan baik agar pemanasan global dapat dikawal. Hal ini demikian kerana, pada masa ini pencairan glasier telah menyebabkan paras air laut semakin meningkat. Keadaan ini memberi kesan yang sangat mendalam kepada hidupan di bumi seperti yang telah berlaku pada Zaman Air Batu Akhir. Oleh itu, kita perlu bersama-sama mengekalkan kelestarian alam sekitar daripada berlaku kemusnahan.

Menganalisis / 2.1.6 / Sederhana [4 markah]

TP3 Belum menguasai

Menguasai


TP5 Belum menguasai

Menguasai

© Alaf Sanjung Sdn. Bhd. (516756-V)

Gambar berikut menunjukkan binatang yang hidup pada Zaman Pleistosen. Zaman Pleistosen merupakan zaman air batu yang bermula kira-kira 2.5 juta tahun dahulu dan berakhir kira-kira 10,000 tahun dahulu.

Buku Teks m.s. 34 – 39 Tutor Ekstra **1SEJ016**



7) Kenal pasti dan namakan binatang tersebut. **TP2**

A : Sloth

B : Harimau bertaring

C : Mamot

Memahami / 2.1.4 / Sederhana [3 markah]

8) Perubahan suhu yang meningkat pada zaman Air Batu Akhir menyebabkan kepupusan binatang A, B dan C. Cadangkan langkah untuk mengelakkan binatang lain mengalami nasib yang sama seperti binatang A, B dan C. **TP4**

Langkah untuk mengelakkan binatang lain pupus ialah mengharamkan pembalakan kerana binatang akan kehilangan habitat. Selain itu, tindakan undang-undang perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang melakukan pemburuan haram dan penganiayaan terhadap binatang. Seterusnya, menjaga alam sekitar dengan baik seperti menjalankan kitar semula, penggunaan sumber tenaga boleh baharu dan penggunaan peralatan jimat tenaga.

Mengaplikasi / 2.1.5 / Tinggi [3 markah]

9) Pada hari ini, kebanyakan binatang mengalami kepupusan bukan disebabkan faktor perubahan persekitaran, akan tetapi berpunca daripada sikap manusia itu sendiri.

Huraikan sikap manusia yang dimaksudkan di atas dengan memberikan contoh yang sesuai. **TP3 KBAT**

Pemburuan secara haram yang dilakukan oleh segelintir manusia menjadi faktor berlakunya kemusnahan banyak spesies binatang. Kebanyakan pemburu haram mengambil peluang mengeksploitasi dengan memburu binatang yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan apabila dijual di pasaran gelap. Contohnya, badak Sumatera diburu kerana tanduknya, manakala penyu pula sering diburu kerana daging dan cangkerangnya. Oleh itu, manusia perlu mengubah sikap mereka menjadi lebih baik demi keseimbangan ekosistem.

Menilai / 2.1.5 / Tinggi



[4 markah]

Kuiz

Bahagian C

Terangkan kesan-kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir kepada bentuk fizikal dan kehidupan di bumi.

Memahami / 2.1.6 / Tinggi Buku Teks m.s. 38 – 39 **TP4** Tutor Penyelesaian **1SEJ017** [8 markah]

- 7 Sikap yang dimiliki oleh masyarakat Zaman Prasejarah membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup ke arah yang lebih baik.

Pada pendapat anda, apakah sikap yang dimiliki mereka berserta contoh yang sesuai? **TP5 KBAT**

Pada pendapat saya, masyarakat Zaman Prasejarah memiliki sikap gigih, kreatif dan inovatif sehingga membolehkan mereka menghasilkan pelbagai ciptaan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Contohnya, dari segi penciptaan peralatan yang diperbuat daripada batu, tulang haiwan dan kayu kepada peralatan yang lebih baik, iaitu berasaskan tembaga, gangsa dan besi.

- 8 Zaman Prasejarah menunjukkan bahawa manusia pada zaman tersebut sentiasa berusaha menggunakan alam ciptaan Tuhan dengan sebaiknya.

Apakah kepentingan bersyukur dalam memanfaatkan alam ciptaan Tuhan dengan memberi contoh yang sesuai berkaitan Zaman Prasejarah? **TP5 KBAT K 3.1.9**

Kepentingan bersyukur dalam memanfaatkan alam ciptaan Tuhan ialah dapat mengubah kehidupan kepada yang lebih baik. Contohnya, pada zaman batu, manusia menggunakan batu untuk memburu dan melakukan aktiviti harian. Kemudian, mereka berubah kepada penggunaan logam besi yang dianugerahkan Tuhan. Selain itu, mereka juga menggunakan tanah ciptaan Tuhan untuk bercucuk tanam dan menternak binatang. Hal ini telah memberi kesenangan kepada mereka yang mana mereka tidak lagi perlu keluar memburu binatang setiap hari untuk kelangsungan hidup.

TP2	Belum menguasai	Menguasai	TP5	Belum menguasai	Menguasai	TP6	Belum menguasai	Menguasai
------------	-----------------	-----------	------------	-----------------	-----------	------------	-----------------	-----------